



2 Februari 2024
2 February 2024
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(PENGEQUALIAN) 2024

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2024**.

(2) Kecuali bagi subbutiran 3(e) dan butiran 6 dan 7 Jadual, Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Oktober 2013.

(3) Subbutiran 3(e) dan butiran 7 Jadual disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

(4) Butiran 6 Jadual disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2016.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar” ertinya Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 [*Akta 664*];

“syarikat berstatus IDR” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3;

“Wilayah Pembangunan Iskandar” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007.

Syarikat berstatus IDR

3. (1) Syarikat berstatus IDR yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) menjalankan suatu aktiviti yang layak di suatu nod yang diluluskan; dan
- (d) diluluskan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud Perintah ini, “nod yang diluluskan” ertinya suatu kawasan dalam Wilayah Pembangunan Iskandar sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.

Aktiviti yang layak

4. Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu aktiviti sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual berhubung dengan sektor sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual yang—

- (a) diluluskan oleh Menteri; dan
- (b) dijalankan di nod yang diluluskan pada atau selepas 24 Oktober 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2024.

Perbelanjaan modal yang layak

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), suatu perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual yang dilakukan oleh suatu syarikat berstatus IDR berhubung dengan suatu bangunan, jentera atau loji yang digunakan dalam suatu nod yang diluluskan semata-mata bagi maksud menjalankan aktiviti yang layak.

(2) Melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Jadual, perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) tidak boleh termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas—

- (a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal; atau
- (b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan atau pentadbiran, atau pekerja perkeranian, bagi syarikat berstatus IDR itu.

Pengecualian

6. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat berstatus IDR dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak yang bersamaan dengan amaun elaun sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berstatus IDR itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Syarikat berstatus IDR boleh memohon bagi suatu pengecualian di bawah subperenggan (1) jika—

- (a) suatu permohonan secara bertulis dibuat oleh syarikat berstatus IDR itu dan permohonan itu diterima oleh Menteri melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar pada atau selepas 24 Oktober 2013 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2024; dan
- (b) syarikat berstatus IDR itu mematuhi semua syarat berhubung dengan permohonan yang dikenakan oleh Menteri.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) menurut permohonan di bawah subperenggan (2) adalah tertakluk kepada syarikat berstatus IDR itu mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan.

(4) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah bagi tempoh lima tahun berturut-turut bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama yang dilakukan oleh syarikat berstatus IDR sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.

(5) Tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama yang dilakukan oleh syarikat berstatus IDR itu tidak boleh lebih awal dari tiga tahun sebelum tarikh permohonan bagi pengecualian diterima oleh Menteri dan tidak boleh lebih awal dari 24 Oktober 2013.

(6) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat berstatus IDR itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Pendapatan berkanun

7. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 6(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu telah dibuat.

(2) Jika suatu bangunan, jentera atau loji digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain aktiviti yang layak itu, maka amaun elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah dengan mengambil kira setakat yang bangunan, jentera atau loji itu digunakan bagi maksud aktiviti yang layak itu.

(3) Jika pengecualian diberikan kepada syarikat berstatus IDR di bawah subperenggan 6(1) bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan amaun elaun yang disebut dalam subperenggan 6(1) hendaklah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat berstatus IDR itu berhak di bawah subperenggan 6(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada amaun yang tidak boleh dikecualikan bagi tahun taksiran itu hendaklah disifatkan sebagai perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi maksud subperenggan 6(1) bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang syarikat berstatus IDR itu mempunyai pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak itu, dan demikianlah seterusnya bagi tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah semua amaun yang ia berhak sedemikian dikecualikan.

Pelupusan bangunan, jentera atau loji dalam tempoh dua tahun

8. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat berstatus IDR ke atas bangunan, jentera atau loji yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak dan bangunan, jentera atau loji itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh perolehan bangunan, jentera atau loji itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun bagi perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang bangunan, jentera atau loji itu dilupuskan.

Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi bangunan, jentera atau loji yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan

9. (1) Jika syarikat berstatus IDR melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa bangunan, jentera atau loji yang berkenaan dengannya pengecualian dimohon oleh syarikat berstatus IDR itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

(2) Bagi maksud perenggan ini, “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

Penarikan balik pengecualian

10. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 6(1) sekiranya syarikat berstatus IDR gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu yang disebut dalam subperenggan 6(3).

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun di bawah subperenggan 6(1) hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat berstatus IDR itu—

(a) dari tarikh pengecualian itu mula berkuat kuasa; atau

(b) dari suatu tarikh selepas tarikh pengecualian itu mula berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Punca berasingan dan akaun berasingan

11. (1) Jika syarikat berstatus IDR menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti itu hendaklah dikira sebagai suatu punca aktiviti berasingan dan berlainan bagi syarikat berstatus IDR itu.

(2) Syarikat berstatus IDR yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 6(1) hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

Ketidakpakaian

12. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat berstatus IDR yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) telah terlibat dalam suatu aktiviti yang layak sebelum tarikh permohonan diterima oleh Menteri di bawah subperenggan 6(2);
- (b) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (c) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
- (d) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama; atau
- (e) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
 - (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*];
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*]; atau
 - (iv) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

JADUAL
[Perenggan 4 dan 5]

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
1.	Industri kreatif dan perkhidmatan berkaitan	<p><i>(a)</i> perkhidmatan kreatif dan reka bentuk;</p> <p><i>(b)</i> perkhidmatan pengurusan bakat kreatif;</p> <p><i>(c)</i> filem dan televisyen—</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> praproduksi;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> produksi;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iii)</i> pasca produksi; dan</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iv)</i> pengedaran;</p> <p><i>(d)</i> permainan dan animasi—</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> ciptaan kandungan;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> produksi;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iii)</i> pasca produksi; dan</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iv)</i> pengedaran;</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
		<p><i>(e)</i> pengiklanan dan penajaan kandungan dalam talian dan mudah alih;</p> <p><i>(f)</i> pengagregatan dan pemudah cara kandungan dalam talian dan mudah alih;</p> <p><i>(g)</i> penyelidikan dan pembangunan kreatif;</p> <p><i>(h)</i> pengedaran dan pemasaran kandungan kreatif;</p> <p><i>(i)</i> perkhidmatan media dan kandungan bersepadu; dan</p> <p><i>(j)</i> seni visual dan persembahan</p>	
2.	Perkhidmatan pendidikan	<p><i>(a)</i> universiti;</p> <p><i>(b)</i> kolej;</p> <p><i>(c)</i> institusi latihan kemahiran;</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
		<p><i>(d)</i> institusi penyelidikan dan pembangunan; dan</p> <p><i>(e)</i> pusat latihan serantau</p>	
3.	Penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan	<p><i>(a)</i> hospital dan pusat perubatan alternatif (perubatan tradisional dan komplementari);</p> <p><i>(b)</i> perkhidmatan pergigian dan ortodontik bersepadu;</p> <p><i>(c)</i> penyelidikan dan pembangunan penjagaan kesihatan;</p> <p><i>(d)</i> perkhidmatan makmal bersepadu; dan</p> <p><i>(e)</i> kesejahteraan dan hidup berbantu</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji
4.	Perkhidmatan logistik	<p><i>(a)</i> perkhidmatan rantaian perbekalan bersepadu; dan</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
		<i>(b)</i> perkhidmatan rantaian perbekalan dan penyelesaian bernilai tinggi	
5.	Pelancongan	<p><i>(a)</i> hotel;</p> <p><i>(b)</i> taman tema, pusat hiburan dan hiburan keluarga dan pusat kebudayaan;</p> <p><i>(c)</i> pusat persidangan dan pusat pameran; dan</p> <p><i>(d)</i> perkhidmatan operasi serantau hotel dan riadah</p>	<p><i>(a)</i> pembersihan dan penyediaan tanah;</p> <p><i>(b)</i> penanaman pokok dan tumbuh-tumbuhan;</p> <p><i>(c)</i> pembinaan jalan dan kemudahan infrastruktur lain dalam kawasan projek pelancongan;</p> <p><i>(d)</i> mengadakan pameran burung, binatang dan pameran lain;</p> <p><i>(e)</i> penyediaan jentera atau loji;</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
			<p><i>(f)</i> pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk yang disediakan bagi tujuan kebajikan pekerja atau sebagai tempat tinggal pekerja); dan</p> <p><i>(g)</i> penambahbaikan struktur atas tanah dan struktur lain atas tanah, yang merupakan sebahagian daripada tanah dalam kawasan projek pelancongan</p>
6.	Perkhidmatan perniagaan sedunia	<p><i>(a)</i> penyumberluaran teknologi maklumat;</p> <p><i>(b)</i> penyumberluaran proses perniagaan; dan</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
		<i>(c)</i> penyumberluaran proses pengetahuan	
7.	Perniagaan dan perkhidmatan digital	Teknologi digital memuncul	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

Dibuat 23 Januari 2024

[MOF.TAX(S)700-2/7/760/3; LHDN.AY.A.600-12/1/7/(29)-215; PN(PU2)80/JLD.111]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) Order 2024**.

(2) Except for subitem 3(e) and items 6 and 7 of the Schedule, this Order is deemed to have come into operation on 24 October 2013.

(3) Subitem 3(e) and item 7 of the Schedule are deemed to have come into operation on 1 January 2021.

(4) Item 6 of the Schedule is deemed to have come into operation on 1 November 2016.

Interpretation

2. In this Order—

“Iskandar Regional Development Authority” means the Authority established under the Iskandar Regional Development Authority Act 2007 [Act 664];

“IDR status company” means a company as provided under paragraph 3;

“Iskandar Development Region” has the same meaning assigned to it in the Iskandar Regional Development Authority Act 2007.

IDR status company

3. (1) The IDR status company referred to in this Order is a company which—

(a) is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777];

(b) is resident in Malaysia;

(c) undertakes a qualifying activity in an approved node; and

(d) approved by the Minister.

(2) For the purposes of this Order, “approved node” means an area within the Iskandar Development Region as approved by the Iskandar Regional Development Authority.

Qualifying activity

4. The qualifying activity referred to in this Order is an activity as specified in column (3) of the Schedule in relation to the sector as specified in column (2) of the Schedule which is—

(a) approved by the Minister; and

(b) carried on in an approved node on or after 24 October 2013 but not later than 31 December 2024.

Qualifying capital expenditure

5. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is a capital expenditure as specified in column (4) of the Schedule incurred by an IDR status company in relation to a building, machinery or plant used in an approved node solely for the purpose of carrying on a qualifying activity.

(2) Unless otherwise stated in the Schedule, the qualifying capital expenditure referred to in subparagraph (1) shall not include capital expenditure incurred on—

- (a) any building which is used as living accommodation; or
- (b) any machinery or plant which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management or administration, or clerical staff, of that IDR status company.

Exemption

6. (1) The Minister exempts an IDR status company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from the qualifying activity which is equivalent to the amount of allowance of one hundred per cent of the qualifying capital expenditure incurred by the IDR status company in the basis period for that year of assessment.

(2) An IDR status company may apply for an exemption under subparagraph (1) if—

- (a) an application in writing is made by the IDR status company and the application is received by the Minister through the Iskandar Regional Development Authority on or after 24 October 2013 but not later than 31 December 2024; and
- (b) the IDR status company complies with all the conditions in relation to the application imposed by the Minister.

(3) An exemption granted under subparagraph (1) pursuant to the application under subparagraph (2) is subject to the IDR status company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption as specified in the approval letter.

(4) The exemption granted under subparagraph (1) shall be for a period of five consecutive years commencing from the date of the first qualifying capital expenditure incurred by the IDR status company as determined by the Iskandar Regional Development Authority.

(5) The date of the first qualifying capital expenditure incurred by the IDR status company shall not be earlier than three years before the date of the application for exemption is received by the Minister and shall not be earlier than 24 October 2013.

(6) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the IDR status company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Statutory income

7. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 6(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowance which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowance has been made.

(2) Where a building, machinery or plant is used for the purposes of a qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than the qualifying activity, then the amount of the allowance which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the building, machinery or plant is used for the purposes of the qualifying activity.

(3) Where an exemption is given to an IDR status company under subparagraph 6(1) for a year of assessment, an amount equal to the amount of allowance referred to in subparagraph 6(1) shall be exempted from tax for that year of assessment.

(4) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the IDR status company is entitled under subparagraph 6(1) for that year of assessment, then so much of the amount as cannot be exempt for that year of assessment shall be deemed to be a qualifying capital expenditure incurred for the purposes of subparagraph 6(1) for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the IDR status company has statutory income from the qualifying activity, and so on for subsequent years of assessment until such amount to which it is so entitled is exempted.

Disposal of building, machinery or plant within two years

8. Where a qualifying capital expenditure is incurred by an IDR status company on a building, machinery or plant used for the purposes of a qualifying activity and such building, machinery or plant is disposed of at any time within the period of two years from the date of acquisition of the building, machinery or plant, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the building, machinery or plant is disposed of.

Determination of qualifying capital expenditure for building, machinery or plant disposed to related company

9. (1) Where the IDR status company disposes to its related company any building, machinery or plant in respect of which an exemption is applied by the IDR status company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

(2) For the purposes of this paragraph, “related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

Withdrawal of exemption

10. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 6(1) if the IDR status company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption referred to in subparagraph 6(3).

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted in respect of any amount of statutory income under subparagraph 6(1) shall be deemed to have not been granted to the IDR status company—

(a) from the date the exemption comes into effect; or

(b) from a date after the date the exemption comes into effect as determined by the Minister.

Separate source and separate account

11. (1) Where an IDR status company carries on a qualifying activity and activity other than the qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of activity for the IDR status company.

(2) The IDR status company which is granted an exemption under subparagraph 6(1) shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

Non-application

12. This Order shall not apply to an IDR status company which in the basis period for a year of assessment—

(a) has engaged in a qualifying activity prior to the date the application is received by the Minister under subparagraph 6(2);

- (b) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (c) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying activity;
- (d) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying activity; or
- (e) has made a claim for a deduction under any rules made under section 154 of the Act except—

 - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
 - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [P.U. (A) 129/2006];
 - (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [P.U. (A) 336/2014]; or
 - (iv) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [P.U. (A) 162/2020].

SCHEDULE

[Paragraphs 4 and 5]

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
1.	Creative industries and related services	<p><i>(a)</i> creative and design services;</p> <p><i>(b)</i> creative talent management services;</p> <p><i>(c)</i> film and television—</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> pre-production;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> production;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iii)</i> post-production;</p> <p style="padding-left: 40px;">and</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iv)</i> distribution;</p> <p><i>(d)</i> games and animation—</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> content creation;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> production;</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iii)</i> post-production;</p> <p style="padding-left: 40px;">and</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(iv)</i> distribution;</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
		<p><i>(e)</i> online and mobile content generation and advertising;</p> <p><i>(f)</i> online and mobile content aggregation and enablers;</p> <p><i>(g)</i> creative research and development;</p> <p><i>(h)</i> distribution and marketing of creative content;</p> <p><i>(i)</i> integrated media and content services; and</p> <p><i>(j)</i> visual and performing arts</p>	
2.	Educational services	<p><i>(a)</i> universities;</p> <p><i>(b)</i> colleges;</p> <p><i>(c)</i> skills training institutions;</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
		<p><i>(d)</i> research and development institutions; and</p> <p><i>(e)</i> regional training centres</p>	
3.	Healthcare and related services	<p><i>(a)</i> hospitals and alternative medicine (traditional and complementary medicine) centres;</p> <p><i>(b)</i> integrated dental and orthodontic services;</p> <p><i>(c)</i> healthcare research and development;</p> <p><i>(d)</i> integrated laboratory services; and</p> <p><i>(e)</i> wellness and assisted living</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant
4.	Logistics services	<p><i>(a)</i> integrated supply chain services; and</p> <p><i>(b)</i> high value supply chain services and solutions</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
5.	Tourism	<p><i>(a)</i> hotels;</p> <p><i>(b)</i> theme parks, amusement and family entertainment centres and cultural centres;</p> <p><i>(c)</i> conference centres and exhibition centres; and</p> <p><i>(d)</i> regional operation of hotel and leisure services</p>	<p><i>(a)</i> clearing and preparation of land;</p> <p><i>(b)</i> planting of trees and plants;</p> <p><i>(c)</i> construction of roads and other infrastructure facilities within the area of tourism project;</p> <p><i>(d)</i> provision of birds, animals and other exhibits;</p> <p><i>(e)</i> provision of machinery or plant;</p> <p><i>(f)</i> construction or purchase of buildings (including those provided for the purposes of</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
			<p>welfare of employees or as living accommodation for employees); and</p> <p><i>(g)</i> structural improvements on land and other structures on land, forming part of the land within the area of tourism project</p>
6.	Global business services	<p><i>(a)</i> information technology outsourcing;</p> <p><i>(b)</i> business process outsourcing; and</p> <p><i>(c)</i> knowledge process outsourcing</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
7.	Digital business and services	Emerging digital technologies	Construction or purchase of building, machinery or plant

Made 23 January 2024

[MOF.TAX(S)700-2/7/760/3; LHDN.AY.A.600-12/1/7/(29)-215; PN(PU2)80/JLD.111]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]